

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : TUAN ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]

**SOALAN NO. 394**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek usaha Tanggung Jawab Social Korporat (CSR) membina blok bangunan baru sekolah untuk Sekolah Kebangsaan Engkabang, Kabong dan SK Haji Junid, Gerigat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SK Engkabang dan SK Haji Junid telah disenaraikan dalam projek Lebuhraya Borneo Utara (LBU) sebagai projek *Corporate Social Responsibility* (CSR). Bagi SK Engkabang, projek tersebut masih menunggu kelulusan bagi *Submission Plan* daripada *State Planning Authority* (SPA). Manakala, bagi SK Haji Junid, Syarikat LBU telah mengemukakan surat tarik diri daripada pelaksanaan projek CSR tersebut pada Julai 2019.